Kerepek belinjau dipelbagaikan rasanya. Ada rasa pedas, manis dan masin.	Buah, daun dan pucuknya dapat menjadi sumber pendapatan kepada petani.
Pokok belinjau banyak kegunaan kepada manusia.	Pucuknya boleh dibuat sayur. Rasa buahnya lemak manis dan menambahkan keenakan dalam makanan.
Sesuai dijadikan bahan untuk membuat papan.	Pokok belinjau boleh dikomersialkan, terutamanya buah belinjau kerana amat digemari oleh semua golongan.
Batang pokok belinjau keras.	Buah belinjau biasanya dijadikan kerepek belinjau.
Pucuk dan buahnya juga sumber pendapatan.	Pokok belinjau ialah pokok serbaguna.

Aktiviti 2

Baca dan lengkapkan idea utama dan idea sampingan berdasarkan teks.

Buah Belinjau

Pokok belinjau banyak kegunaan kepada manusia. Buah, daun dan pucuknya dapat menjadi sumber pendapatan kepada petani.

Buah belinjau biasanya dijadikan kerepek belinjau. Kini, kerepek belinjau dipelbagaikan rasanya. Ada rasa pedas, manis dan masin. Kepelbagaian produk belinjau ini mendapat sambutan ramai. Hal ini dapat meningkatkan pendapatan pengusaha kerepek belinjau.

Selain itu, pucuk dan buahnya juga sumber pendapatan. Pucuknya boleh dibuat sayur. Rasa buahnya lemak manis dan menambahkan keenakan dalam makanan.

Seterusnya, batang pokok belinjau keras dan sesuai dijadikan bahan untuk membuat papan. Hal ini akan meningkatkan pendapatan petani.

Kesimpulannya, pokok belinjau ialah pokok serba guna. Pokok belinjau boleh dikomersialkan, terutamanya buah belinjau, kerana amat digemari oleh semua golongan.

LIVEWORKSHEETS

Perenggan	Idea Utama	Idea Sampingan
1		
2		
3		
4		
5		

LIVEWORKSHEETS